BAB 1: LANGKAH KESELAMATAN DI MAKMAL

LATIHAN 1

1. Peralatan perlindungan diri yang berikut, digunakan di dalam makmal sekolah kecuali?

   A. Kot makmal
   B. Topeng muka
   C. Topi keselamatan
   D. Sarung tangan getah

JAWAPAN: .....

2. Antara berikut, yang manakah merupakan fungsi gogal?

   A. Melindungi mata daripada kepenatan
   B. Melindungi mata daripada sinar ultraungu
   C. Melindungi mata daripada terkena bahan kimia berbahaya
   D. Melindungi muka daripada terkena bahan kimia berbahaya

JAWAPAN: .....

3. Antara bahan berikut, yang manakah perlu dikendalikan di dalam kebuk wasap?

   A. Etanol
   B. Air suling
   C. Larutan ammonia
   D. Asid hidroklorik pekat

JAWAPAN: .....

4. Antara bahan berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri bahan yang boleh dibuang ke dalam singki?

   A. Bahan yang reaktif
   B. Mempunyai nilai pH 6
   C. Mempunyai nilai pH 10
   D. Sebatian pelarut organik

JAWAPAN: .....

5. Semasa sekumpulan murid menjalankan eksperimen di makmal, sebatang termometer merkuri telah jatuh ke lantai dan pecah.
   Antara tindakan berikut, yang manakah **tidak** sepatutnya dilakukan oleh murid tersebut?

   A. Maklumkan kepada guru dengan segera
   B. Jadikan kawasan tumpahan sebagai kawasan larangan
   C. Kutip serpihan kaca dan tumpahan merkuri menggunakan tangan
   D. Tabur serbuk sulfur untuk menutupi tumpahan

JAWAPAN: .....

LIVEWORKSHEETS

6. Bagaimanakah sisa biologi seperti darah perlu dilupuskan?

A. Dimasukkan ke dalam bekas khas
B. Dibuang ke dalam tong sampah
C. Dinyahkontaminasi secara autoklaf
D. Dibalut di dalam tisu dan disejukbekukan

JAWAPAN: .....

7. Apakah jenis pemadam kebakaran yang boleh memadamkan kebakaran melibatkan peralatan elektrik?

A. Air
B. Buih dan air
C. Serbuk kering dan buih
D. Karbon dioksida dan serbuk kering

JAWAPAN: .....

8. Apakah kebaikan pemadam api ABC?

A. Ringan
B. Mudah diselenggara
C. Hanya perlu disembur sekali sahaja
D. Boleh memadamkan kebakaran jenis cecair sahaja

JAWAPAN: .....

9. Apakah yang perlu anda lakukan sekiranya bahagian badan seseorang terbakar?

A. Guna air untuk memadamkan api
B. Sembur dengan buih
C. Selimutkan dengan selimut kebakaran
D. Guna pasir untuk memadamkan api

JAWAPAN: .....

10. Sekolah anda telah didatangi oleh pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri untuk menjalankan audit ke atas alat pemadam kebakaran. Berikut ialah perkara yang diperiksa **kecuali**

A. tarikh luput pemadam kebakaran
B. jenis pemadam kebakaran
C. bilangan pemadam kebakaran
D. pembekal pemadam kebakaran

JAWAPAN: .....

LIVEWORKSHEETS

11. Rajah 1 menunjukkan alat pemadam kebakaran yang biasa dijumpai di kawasan sekolah.



W X Y Z

Rajah 1

a. Nyatakan warna label bagi pemadam kebakaran X dan Y.

X: ..... Y: .....

b. Berdasarkan rajah, nyatakan satu pemadam api yang boleh memadam kebakaran yang melibatkan minyak masak.

.....

c. Susun kaedah penggunaan alat pemadan kebakaran mengikut urutan yang betul.

- [ ] Ratakan semburan ke seluruh sumber api dengan menggerakkan muncung alat pemadam kebakaran dari sisi ke sesi.
- [ ] Halakan muncung alat pemadam kebakaran ke pangkal api.
- [ ] Tanggalkan pin keselamatan daripada alat pemadam kebakaran.
- [ ] Tekan pemicit ke atas alat pemadam kebakaran.

d. Kenal pasti perkara yang perlu diberi perhatian semasa menjalankan audit alat pemadam kebakaran di sekolah.

- [ ] Tarikh luput
- [ ] Jenis pemadam kebakaran
- [ ] Meter tekanan

LIVEWORKSHEETS